

'BANGSA JOHOR' BUKAN KENEGERIAN

AHMAD
ESA



KONSEP, 'Bangsa Johor' telah wujud di negeri itu sejak 1920 lagi. Namun begitu, fakta sejarah membuktikan Johor tidak cenderung untuk menjadi sebuah negara malahan kesultanan dan kepimpinan Johor mendukung dan menganggotai kewujudan Persekutuan Tanah Melayu 1948, Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan penubuhan Malaysia 1963.

Sehingga hari ini tiada seorang pun bangsa Johor berniat untuk mengancam perpaduan antara negeri-negeri yang bernaung atas nama Malaysia. Ini kerana rakyat Johor sama seperti negeri lain dididik menerusi sistem persekolahan yang menekankan perpaduan, keselamatan dan kedaulatan Malaysia adalah lebih utama daripada semangat kenegerian.

Ketidakfahaman individu tertentu terhadap kata keramat, 'Bangsa Johor' sedikit sebanyak mendatangkan ketidakselesaan kepada Sultan Johor, Menteri Besar dan rakyat Johor sendiri. Tidak sukar untuk memahami kebangkitan semangat rakyat Johor pada ketika ini. Keunggulan Johor Darul Takzim (JDT) dalam arena bola sepak negara, lontaran pandangan konstruktif oleh Tunku Mahkota Johor dalam konteks kestabilan sosial dan pembangunan ekonomi negara, penggunaan slogan dan 'Muafakat Johor' adalah antara beberapa faktor membakar semangat nasionalisme rakyat Johor untuk bersatu di bawah slogan 'Bangsa Johor'.

Ibarat bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat, rakyat Johor bersatu untuk menyerlahkan daya saing Johor di Malaysia dan antarabangsa. Namun, kepimpinan dan seluruh rakyat negeri itu sedar bahawa kebersamaan yang dipupuk adalah



KONSEP, 'Bangsa Johor' yang telah sekian lama terakam dalam sejarah Johor adalah slogan yang meniupkan semangat nasionalisme kepada rakyat negeri itu. - GAMBAR HIASAN/ABDUL RAZAK LATIF

seiring dengan rasa kekitaan bahawa Johor adalah satu daripada jalur warna dalam Jalur Gemilang dan Malaysia adalah negara yang bangsa Johor perlu pertahankan kedaulatannya.

Mana mungkin, bangsa Johor boleh menggugat perpaduan nasional dan memadamkan satu bucu bintang dalam Jalur Gemilang. Sistem pendidikan di Johor menggunakan pakai sistem pendidikan Malaysia. Sebagaimana yang terakam dalam Penyata Razak, 1956, Laporan Rahman Talip, 1960, Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996, sistem pendidikan di Johor menggunakan kurikulum, kokurikulum, bahasa pengantar dan peperiksaan yang sama dengan negeri-negeri lain.

Ini bererti setiap individu di Johor diajar bahawa negeri itu adalah sebahagian dari Malaysia. Pembangunan, kesejahteraan dan keamanan Johor adalah hasil daripada hadirnya sebagai satu entiti di dalam Malaysia. Sekian lama kesedaran itu didoktrinkan dalam jiwa dan minda rakyat Johor dan sebat terikat mati dalam denyut nadi dan hembusan nafas rakyat Johor.

Di sekolah, setiap kali diadakan perhimpunan pagi, pelajar tanpa mengira perbezaan kaum, agama, dan asal negeri menyanyikan lagu, 'Bangsa Johor,' seterusnya menyanyikan pula lagu, Nega-

raKu. Yang pasti semua pelajar sekolah Johor bersatu melafazkan ikrar Rukun Negara dengan penuh semangat sehingga tersemai di sanubari mereka. Pendek kata, sama sahaja seperti negeri lain yang memupuk semangat cinta Malaysia dalam kalangan pelajar sekolah. Menariknya yang menyanyikan lagu, 'Bangsa Johor' di sekolah-sekolah bukannya terdiri daripada anak-anak Johor atau kelahiran Johor tetapi datangnya daripada negeri-negeri lain juga.

Sekolah-sekolah di Johor menerusi kegiatan kurikulum mendedahkan pelajar dengan seni budaya negeri lain seperti Dikir Barat dan Boria. Turut ditekankan tentang penglibatan pelbagai kaum dalam sesuatu permainan dan unit beruniform. Telah menjadi kelaziman persembahan pada Hari Guru di sekolah-sekolah Johor peserta yang mengambil bahagian mesti terdiri daripada Melayu, Cina dan India. Selain turut mengambil kira konsep bersatu dalam kepelbagaian dengan melibatkan pelajar yang berbeza asal negeri, status ekonomi, fahaman politik, agama dan bahasa untuk bersama-sama ikut serta dalam program-program mengukuhkan ikatan perpaduan dan melonjak semangat patriotisme terhadap Malaysia.

Program Rancangan Integrasi

Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) turut dilaksanakan di sekolah-sekolah Johor. Menerusi RIMUP pelajar turut ditekankan peri pentingnya penglibatan pelbagai kaum dalam sukan dan permainan. Guru-guru di sekolah bukan sahaja ditugaskan untuk melibatkan semua kaum tetapi dingatkan untuk memilih pemain dalam sesuatu sukan bagi tujuan mewakili sekolah, negeri dan negara adalah berdasarkan kualiti yang dimiliki dan bukannya asal negeri, status ekonomi keluarga, parti yang disertai ibu bapa maupun keturunan pelajar.

Berasaskan semangat perpaduan nasional pasukan bola sepak Johor, JDT mempunyai pemain daripada pelbagai negeri. Pemilihan pemain berdasarkan kualiti bukannya semangat bangsa Johor semata-mata. Apabila JDT bertarung di peringkat Asia pula, JDT bukan berjuang untuk Johor tetapi untuk Malaysia. Rakyat Johor juga sangat berbesar hati apabila pasukan Kelantan dan Selangor bertanding di peringkat Asia. Rakyat Johor tahu bahawa pasukan-pasukan itu bertanding dalam perlawanan bola sepak adalah untuk Malaysia.

Konsep, 'Bangsa Johor' yang telah sekian lama terakam dalam sejarah Johor adalah slogan yang meniupkan semangat nasionalisme kepada rakyat negeri itu. Menerusi penerapan konsep 'Bangsa Johor' dalam sistem pendidikan di Johor, slogan itu mampu mengukuhkan perpaduan nasional. Setiap negeri juga pasti mempunyai konsep dan nilai untuk dikongsi bersama oleh rakyat masing-masing. Namun oleh kerana seluruh negeri mengamalkan sistem pendidikan yang sama, perpaduan nasional dan patriotisme terhadap Malaysia dapat dipacu seluruh rakyat tanpa mengira perbezaan dan kelainan geografi dan budaya.

PROF. MADYA DR. AHMAD ESA ialah Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.